


25th Anniversary
1982 - 2007
UGM

a Merapoh | Akrilik | 137cm X 104cm | 2006



Pusaka Rim

Terima Kasih Buat Tersayang

Ayahanda
Bonda
Adinda Intan Suhaila Binti Kassim
Putera Muhammad Saiful Alif Bin Mohd Shaparel
Puteri Nur Syaza Afrina Binti Mohd Shaparel



Raka Bentuk Grafik: Shaparel | Fotografi: Shaparel



Pameran seni Solo **Shaparel**

4 - 30 September 2007

Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, Universiti Sains Malaysia.

All images Mohamed Talha Idrus



Profesor Madya Mohamed Talha Idrus
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia.

22 Ogos 2007

Pusaka Rimba

Oleh : Profesor Madya Muhammed Talha Idrus

Hutan rimba dan segala yang terdapat di dalamnya didahulukan penciptaannya dari penciptaan manusia agar manusia berada di dalam keharmonian yang disebabkan oleh interaksian makluk lain yang ditampung oleh rimba. Maka begitulah keadaan manusia beributuhan sebelum rimba dan isinya dieksplotasi untuk tujuan kewangan.

Isi rimba yang dilihat hanya dari nilai wang pasti akan menganjurkan tamak haloba yang akan merabunkan nilai rimba kepada hanya benda-benda yang terpapar di dalamnya. Nilai disebalik hikmah kedahuluan penciptaannya akan terabai dan tidak dipedulikan, menyebabkan kos pengurusan persekitaran dan kesihatan yang tinggi kemudianya.

Mereka yang menyayangi alam, sudah tentu akan resah dan cemas dengan berbagai bentuk penodaan yang dilakukan keatas khazanah yang menguncup ini. Seolah-olah tiada tempat yang boleh dipercayakan aduan. Justeru tindakan dibuat secara individu dan berkumpulan. Yang pandai bercakap akan berceramah, yang pandai bersajak akan berpuisi, yang berseni akan melukis, dan segelintir lain sekadar meluangkan masa bersama rimba sekerap mungkin. Shaparel sendiri menunjukkan kepekaan ini ketika mengambil kursus bimbingan saya RPK 222- Pemuliharaan pada tahun 1998 yang menekankan kepada kepekaan alam.

Inilah pusaka yang diwariskan untuk semua manusia. Pusaka rimba yang mesti dikawal dan dijaga bersama agar khazanah dan manfaatnya terus dapat dinikmati oleh angkatan masa depan.

Ahli Majlis Sahabat Alam Malaysia
Editor
Majalah The Leader



Rimba adalah khazanah kurniaan Allah kepada kita. Kita menghirup udara dari oksigen yang dijanakkannya. Kita hidup selesa kerana habuk, bising, kepanasan, dan makluk perosak dikawal oleh berbagai agen yang terhimpun di dalamnya.

Nilai sebuah rimba bukanlah sekadar harga kayu yang boleh dibalakkan atau potensi ruang tanah untuk pembinaan, atau kutipan wang pelancong yang diundang ke sana. Nilai rimba lebih mahal dari semua itu. Nilai banjir yang dikawalnya, nilai cerun dan tanah yang distabilkannya sukar dihitung. Bagaimana dinilai keleegan dan ketenangan yang dinikmati oleh pengunjung-pengunjungnya? Nilainya yang terbesar mungkin terletak di dalam cambahan pelbagai kehidupan yang terdapat di dalamnya.

Spesis mencambahkan spesis lain. Rimba kita mencambahkan kepelbagaihan hayat yang bertindak di dalam satu jaringan yang kompleks dan penuh fungsi. Zaman demi zaman telah mewujudkan hutan belantara yang tebal, kaya dengan berbagai makhluk, indah dipandang, dan seronok dilawati.

Shaparel dan Pusaka Rimanya

Oleh : Hasnul J Saidon

Sejak dari zaman 'pra-sejarah', manusia telah merakamkan hubungannya dengan alam semulajadi menerusi pelbagai bentuk bahasa tampak. Gambaran aktiviti pemburuan dan lakaran imejan binatang umpamanya, telah dilukis di atas dinding-dinding gua oleh manusia purba. Alam semulajadi dalam pembacaan masyarakat 'purba' dilihat sebagai suatu sumber kuasa magis yang boleh mengancam dan penuh dengan semangat halus yang perlu dihormati.

Tradisi catan lanskap China pula menterjemahkan falsafah Taoism menenerusi gambaran lanskap. Gunung dan banjarannya dijadikan tamsilan untuk cabaran mencapai puncak ilmu dan darjah kemanusiaan yang tinggi. Menerusi penggunaan perspektif atmosfera, gambaran alam dinyatakan dalam struktur gubahan menegak. Struktur menegak ini pula ditegaskan oleh kehadiran subjek gunung yang dominan dan menguasai keseluruhan ruang lukisan. Perspektif 'linear' tidak digunakan, namun digantikan dengan penggunaan perspektif atmosfera yang membahagikan ruang gambaran kepada tiga bahagian - bawah, tengah dan atas. Ruang kedalaman dicetek dan dicondongkan untuk meningkatkan ilusi 'pengembaraan' dari 'bawah ke atas'. Puncak gunung dilengkapkan oleh 'temple' atau premis pertapaan sebagai habuan 'pendaki'. Jalan menuju ke puncak digambarkan berliku-liku sambil dilitupi oleh rimbunan pokok, batu dan awan. Imej manusia menjadi kerdiri jika dinisbahkan dengan gunung serta gambaran alam yang begitu luas dan hebat. Alam semulajadi adalah buku penuh rahsia, hebat dan luas, yang perlu didaki dan ditekuni. Demikian saranan catan lanskap China.

Para pelukis aliran romantis dalam sejarah perkembangan seni catan di Eropah melihat alam sebagai sumber emosi yang penuh dengan drama kemanusiaan. Visi romantis ini seterusnya ditipiskan oleh para pelukis aliran naturalisme yang menekankan gambaran alam secara lebih bersahaja, jujur, dan tidak berpura-pura. Naturalisma disaingi pula oleh para pelukis impresionis yang melihat alam semulajadi dari sudut kesan cahaya dan kualiti emotif pada warna. Visi impresionis diiringi oleh kemunculan fotografi yang melihat alam secara lebih 'rasional' tanpa sebarang kekangan dunia magis, mistik, semangat mahupun kuasa halus. Elemen warna pula mula digarap secara lebih saintifik menerusi kajian optik.

Impresionisma kemudiannya dipecahkan oleh alam 'bawah sedar' atau 'alam mimpi' yang dibawa oleh aliran surrealisme; dan pandangan 'bertindan' yang dibawa oleh aliran kubisme. Kewarasannya 'saintifik' yang objektif dan 'lojik' seperti yang dibawa oleh gagasan impresionisma disaingi pula oleh kedua-dua aliran ini. Kemunculan teori-teori baru berkaitan psikologi manusia, 'relativiti' dan fizik kuantum memberi kesan terhadap bagaimana manusia melihat diri dan alam sekelilingnya.

Gambaran alam semulajadi menerusi kanta para pelukis aliran realisma pula adalah yang paling moden. Mereka seakan muah kembali kepada zaman klasikal Eropah. Dalam versinya yang terbaru seperti realisma-foto mahupun neo-realisma, gambaran alam semulajadi kembali 'waras' atau rasional. Karya-karya 'mimetik' (peniruan) gaya realisma-foto sering kelihatan hasil pemindahan dan penyalinan-semula foto-foto kecil ke atas ruang kanvas yang lebih luas dan besar.

Alam semulajadi kembali digambarkan 'seperti yang kita nampak' dengan mata kasar. Manusia moden mahu mengekalkan kewarasannya apabila melihat alam semulajadi. Ia lebih 'realistik', mudah difahami dan dihayati. Mungkin ini gagasan para pelukis realisma-foto.

Namun demikian, seperti juga pelbagai bentuk warisan kesenian tradisi di China (atau Asia amnya), tradisi kesenian di dunia Melayu tidak pula beriya-iya mahu menggambarkan alam semulajadi dalam bentuk yang dianggap 'realistik', 'waras' dan lojik seperti yang dibawa oleh visi realisma. Seniman tradisi dunia Melayu tidak juga bersungguh-sungguh mahu menggambarkan alam dalam bentuk yang 'mudah difahami dan dihayati' seperti hasil rakaman foto. Malah, alam semulajadi tidak pula digambarkan 'seperti yang kita nampak' dengan mata kasar, tetapi diterjemah secara lebih halus sama ada abstrak atau separa abstrak. Lihatlah bagaimana mereka menterjemahkan pucuk rebung, lawi ayam, awan melarat, siku keluang, bunga kekwa, tulang belut dan banyak lagi. Seniman tradisi dunia Melayu menzahirkan alam semulajadi dalam bentuk motif-motif, simbol-simbol dan skima corak yang kompleks, dinamik, saling-berkait, saling-bertindan, modular (boleh diubah-ubah), berulang-ulang (persis zikir) dan infinit (corak tidak berkesudahan boleh disambung tanpa henti).

Bagi seniman tradisi dunia Melayu, alam semulajadi tidak perlu ditiru bulat-bulat, akan tetapi perlu dihayati, diselami, dan dimaknakan 'dalam diri'. Tidak hairanlah jika dalam pelbagai bentuk pengucapan seni tradisi Melayu, peniruan bentuk bukanlah ditekankan, tetapi kefahaman tentang prinsip yang terkandung dalam alam itu sendiri yang perlu ditekankan. Memahami prinsip dan konsep membayangkan pemikiran yang halus, manakala peniruan bentuk semata-mata tidak dianggap memanjangkan akal. Bentuk tidak kekal, namun prinsip akan berterusan walaupun bentuk boleh berubah. Kefahaman terhadap prinsip mencerminkan kehalusan jiwa dunia Melayu yang melestarikan antara otak kiri dengan otak kanan, pemikiran saintifik dengan artistik, lojik dengan intuisi, ekspresi emosi dengan kewarasan akal, kemahiran estetik dengan kefasihan matematik (sukatan), antara nilai gunaan dengan nilai budaya, antara individu dengan komuniti, antara jasad, minda dan jiwa.

Seniman dunia Melayu membaca alam semulajadi sebagai warisan atau khazanah dan amanah yang perlu dipelihara oleh manusia. Manusia diletakkan sebagai khalifah yang diamanahkan untuk melestarikan hubungannya dengan alam atas jalan Tauhid (mengEsakan Allah).

Bagaimana pula dengan sahabat kita Shaparel? Bagaimakah alam semulajadi digambarkan oleh beliau menerusi kary-karyanya yang terbaru? Apakah suara naturi beliau senada dengan para seniman tradisi dunia Melayu, mahupun senada dengan jalan Tauhid? Apakah bahasa tampak yang digunakan oleh beliau seloghat dengan bahasa 'abstrak' dunia Melayu, atau lebih dekat dengan bahasa 'realistik' moden? Adakah karya-karya beliau mampu memujuk kita untuk bersinergi dengan alam semulajadi dalam suatu simbiosis yang lestari?

Shaparel menggambarkan alam semulajadi menerusi gaya

realisma-foto. Walaupun terdapat beberapa karya yang digarap dalam gaya ekspresionis abstrak, namun beliau kelihatan lebih selesa dengan realisma. Ini gaya yang telah ditekuni oleh beliau sejak menuntut di Pusat Pengajian Seni USM. Menerusi gaya ini, bakat serta kemahiran beliau lebih terserlah. Kemampuan beliau menguasai beberapa teknik catan yang asas seperti 'scumbling' (membancuh dan mencampur warna ketika basah), 'glazing' (meletakkan lapisan warna nipis atau lutsinar di atas warna yang sudah kering) tentunya telah terbukti. Gaya 'realistik' begini mudah diterima, difahami dan dihayati. Ia juga universal dan moden.

Subjek tumpuan beliau boleh dikategorikan : batang pokok yang besar-besar, sungai dan jeram, pokok kecil berdaun, dan manusia (orang asli). Jika pokok, beliau seperti lebih tertarik merincikan permukaannya yang kaya dengan jalinan, serta pangkal akar atau banir yang gagah, mahupun akar-akar menjalar yang meliuk-lentuk. Ada juga gambaran mendongak ke langit, menggunakan batang pokok yang gagah sebagai 'tiang sri' dan sauh yang menghubungkan langit, pucuk, akar dan tanah. Jika sungai atau jeram, beliau seakan mahu kita menyusur alirannya (mungkin ke hilir), merakam kualiti permukaan yang memantul cahaya persis cermin berkilat, mahupun mengintai-intai ikan air tawar di bawah permukaannya. Jika orang asli pula, beliau seakan bermadah, bertamsil, berseloka dengan sindiran halus tentang kontradiksi antara kemajuan kota dengan kehidupan lestari yang bebas dari gelora haloba. Kesemuanya dipetik dari rakaman foto beberapa ekspedisi ke hutan, terutama sekali hutan Belum, bersama rakan-rakan dari Persatuan Pelukis Perak dan Pulau Pinang. Ekspedisi lasak memang disukai beliau yang juga lasak orangnya. Sesekali, ada tempias romantik orang kota bersantai atau mencari ketenangan membersih kekusutan frekuensi minda dan rasa dengan berkembara ke dalam hutan. Walaupun agak klise, ini memang kecenderungan manusia sejagat mahu kembali kepada fitrahnya yang asal (asli).

Subjek-subjek di atas pula fitrahnya (frekuensi atau getarnya) menyegarkan, aman, tenang, sunyi (tiada gangguan manusia) dan adakalanya seakan menyimpan rahsia atau misteri. Jikapun rujukan foto menjadikan karya-karya beliau 'realistik', waras dan rasional, ada saranan atau suara halus Shaparel terselit di celah lapisan bahasa catan mahupun tajuk-tajuk karya.

Bahasa dan nahu catan Shaparel sudah cukup masak dan ranum. Gubahan dan komposisi karya-karya, walaupun ada yang agak malas dan selesa (dirakam dengan kamera dalam posisi berdiri), banyak juga yang dinamik. Sudut pandangannya pelbagai, malah ada yang membuat kita menjadi seakan mengintai, atau meninjau, atau sekadar pemerhati pasif yang tidak mahu merosakkan suasana. Ada juga yang menggoda kita untuk terjun menerjah kesejukan sungai atau jeram, atau mendongak untuk mengagumi ketinggian Jelai yang gagah berdiri.

Keseluruhan karya menampilkan pengolahan pelbagai warna hijau yang harmonis dalam skima warna sekunder yang sejuk dan berintensiti sederhana. Kontras digunakan untuk kesan dinamik pada gubahan, terutama penggunaan warna putih

kebiruan (langit dan awan) dan juga warna-warna bernada rendah (gelap) untuk mencipta variasi pencahaayaan. Permainan cahaya, bayang dan refleksi banyak ditekankan, begitu juga dengan kualiti jalinan (permukaan subjek) yang kaya dan organik.

Olahan ruang juga pelbagai. Gambaran sungai kebanyakannya menekankan ilusi ruang kedalaman untuk membawa penonton menyusuri alur sungai. Ada juga gambaran dari sudut condong untuk membataskan ruang dan memberi tumpuan hanya pada corak, riak dan kocak permukaan sungai. Sudut-sudut yang lebih sukar dan lebih 'makro' ('extreme close up') tidak begitu diterokai. Shaparel lebih selesa dengan 'long shot' dan 'medium shot'. Hasilnya adalah suasana rasa yang lebih santai, sederhana dan mungkin tidak ada yang berbahaya atau menggigit mahupun meninggalkan rasa cemas. Hutan Shaparel tidak menakutkan kita; ia sangat jinak.

Suara halus Shaparel menerusi karya-karyanya adakalanya merungut, adakala merintis, sedikit sindiran dan sedikit peringatan. Sesekali, beliau seakan mahu memujuk. Yang paling banyak cuma sekadar merakam. Ini agak ketara jika dirujuk pada tajuk-tajuk karya yang memaklumkan tentang nama tempat, bukannya interpretasi mahupun reaksi peribadi beliau. Walaupun memakai bahasa 'moden', jiwa Shaparel mewarisi getar dunia Melayu-alam semulajadi adalah khazanah, warisan dan yang terpenting amanah.

Demikian serba-sedikit pembuka juadah untuk kita bersama-sama menghayati karya-karya mutakhir Shaparel dalam pameran solo beliau 'Pusaka Rimba'. Silakanlah...

Hasnul J Saidon
Pengarah
Muzium & Galeri Tuanku Fauziah
USM
Ogos 2007

Catan Shaparel: Nada-nada Hijau

Oleh : Profesor Madya Dr. Zakaria Ali

Shaparel tergolong dalam kumpulan pelukis muda yang mencintai alam semulajadi, terdorong oleh catan Jaafar Taib, seorang tokoh landskap Malaysia yang terdahulu. Shaparel dan kawan-kawannya yang berkhemah di dalam hutan Belum, dalam satu siri eksplorasi beberapa tahun kebelakangan ini, termasuklah Johan Marjonid, Syed Omar Syed Abdul Rahman, Yusaini Yamin, Zaharuddin Sarbini, Hamidon Hamid, Ismail Alias, dan ramai lagi. Mereka menghayati alam sebagai sumber halbenda yang tidak berkesudahan, seperti belukar yang tebal, atau pepayung dahan, atau lintangan lumut, atau percikan bayang-bayang, atau rumpunan dahan-dahan, atau deruman air terjun, atau tepian rumput rumpai, kesemuanya menyuarakan kesepian yang amat serasi dengan jiwa mereka. Impak yang demikian itu membuat mereka menjadi kerdil yang bertindak balas, sesudah kembali ke rumah masing-masing di Bandar, dengan karya yang komposisinya ada tanda-tanda kekaguman, tanda-tanda meraikan keberanian masuk meneroka. Karya mereka juga penuh dengan rasa sayang yang tidak terhingga kepada dedaan yang hijau, disapu dengan warna kuning yang dicampur menjadi ratna.

Sebagai seorang treker, Shaparel berbangga tidak takut pada apa-apa, pergi memancing, mendaki, mengambil foto, seorang diri, siang atau malam, hujan atau panas, tak ubah macam budak-budak yang asyik mencungkil ulat dari bawah himpunan dedaan kering di lantai hutan, tersesat dan terkial-kiak mencari jalan pulang ke khemah. Berjauhan dari ahli-ahli khemah yang lain, dia mengharungi laluan berlumpur, sehingga ke batu di tengah sungai. Di situ dia memasang buai, melempar tali kail, dan menanti baung menyentap umpan. Dalam saat-saat kesunyian menanti inilah dia mereka karyanya melalui foto-foto yang diambilnya. Setiap keping gambar ditentukan oleh kesesuaianya dipindahkan nanti ke muka kanvas. Karya Shaparel bergegaran dengan perasaan kesetiaan untuk menggambarkan warisan negara yang tidak terhingga, untuk dapat, kiranya, memberi tahu anak-anaknya di belakang hari kelak, bahawa pada zaman dahulu, sewaktu dia muda, dia dapat melihat wajahnya terbayang di dalam air sungai gunung yang jernih seperti kaca.

Adalah satu ironi bahawa karyanya ini telah dilukis di luar hutan, sekembalinya ke rumah di dalam studio anjung depan. Di sini nyamuk mengiyang agak kurang, dan ulat memakan cat pun tiada. Hanya di sinilah dia berjaya menapis rencah pengalamannya di hutan, dapat memahami perkongsianya dengan makhluk asing yang susah untuk diceritakan. Juga perasaan perit perut yang lapar, dahaga yang membakar, denyutan yang tersekat-sekat, dan pertanyaan-pertanyaan yang tidak terjawab bila dia menepis pacat yang merangkak naik kasut butnya. Dia membezakan antara keunggulan tongkol pokok cengal yang tua purba dengan kemusnahan moden pembalak-pembalak. Untuk seketika, dapatlah dia melupakan racun tamak haloba bila dia mengingat kembali batu-batu licin menangkap sinar matahari petang. Rasa kontras tersebut dibelek-beleknya semula dengan karya sebuah lubuk hitam yang dikelilingi barisan meranti yang dikerat sebelah oleh warna hijau pada bahagian bawah kanvas. Batu-batu purba bersinar dalam air sungai cetek, sekumpulan ikan bertempiaran dikejar haruan, bunyi jengkerik yang mengiyang-nyiyang kesemuanya menyuarakan tema masa tanpa angkaan.

Shaparel's: The timelessness of greens

By : Associate Profesor Dr. Zakaria Ali

Shaparel belongs to a group of young artists who have taken nature to heart, inspired by the works of a slightly older Jaafar Taib, the supreme master of contemporary Malaysian landscape. Shaparel and his friends who camp in the Belum jungle, in a series of expeditions in the last few years, include Johan Marjonid, Syed Omar Syed Abdul Rahman, Yusaini Yamin, Zaharuddin Sarbini, Hamidon Hamid, Ismail Alias, and others. They all see nature as an unending source of subject matter, be it the dense thickets, or the canopy of branches, or the blanket of mosses, or the flickering of reflections, or the burgeoning of twigs, or the gush of falling stream, or the fringe of weeds that somehow embodies the serenity with which their souls are at ease. Such overwhelming impact reduces them to passive intruders who reciprocate, later on in the city, with compositions that have a sense of nothing less than awe, of rejoicing at having dared. The artworks ooze the unbridled passion for the greens of leaves, rendered with the touch of yellow darkened into shades of emerald.

As a trekker, Shaparel prides himself of having no fear of the unknown, fishing, climbing, photographing, alone, night or day, rain or shine, like a child who delights in discovering crawlies beneath the layers of dead leaves bristling on the jungle floor, in getting lost and figuring out a way to get back to camp. Away from fellow campers, he wades on down the swaths of mud, to a boulder in mid-river, where he sets up his hammock, throws the line, and waits for the baung to snap the bait. In these moments of solitude, he composes his works by the many photographs he takes; each shot is largely determined by how well it will eventually transfer onto the canvas. His art resonates with a deeply felt commitment to visualize a priceless natural heritage, to be able to tell his children, years down the road, that in his youth he could spy his own face peering up from clear mountain streams.

The irony, however, is that most of these works are painted outside the jungle, in his front porch studio at home, where there are few mosquitoes to flail, and fewer bugs to nibble his dabs of paints. Only then is he able to distill the experiences of the primeval, of making sense of sharing with other presences for which words are inadequate to describe. There is also that pangs of hunger, the burning thirst, the irregular throbs, and the lingering uncertainties as he brushes off the leeches crawling up his boots. He matches the profundity of ancient gnarled cengal trunks with the senselessness of the destruction by modern loggers. For once, he is able to forget the corrosiveness of greed as he relives the ease with which the slippery rocks catch the last glow of the afternoon sun. Such contrast is recalled in the eerie calmness of dark pond encircled by palisades of meranti cut in half by the brilliant watery green in the lower half of the canvas. The pre-historic boulders glitter in the shallow streams, the shoal of fish darting the equally swift jaws of predators, the whining of crickets on the tree tops all help to articulate the theme of timelessness.

Profesor Madya Dr. Zakaria Ali
Universiti Sains Malaysia
26 Ogos 2007



Suara Belum

Oleh : Hamidon Ahmed

Menjadikan alam semulajadi sebagai inspirasi dalam pengkaryaan telah diamalkan sejak dahulu lagi. Dan sejak sekian lama subjek ini tetap menarik seniman, yang tanpa jemu menukilkannya dalam pelbagai bentuk dan gaya, malah rasional disebalik apa yang dihasilkan itu. Sebenarnya, pengalaman berada di alam rimba memberikan kita suatu kepuasan yang tiada tolak bandingnya. Biar berpanas, berhujan, berpacat dan berdarah di kaki, kekaguman terhadap keindahan dan keunikannya melampaui segala cabaran itu. Menghirup udaranya yang segar seakan lepas dari lelah yang panjang. Meneliti lumut hijau di ranting seakan menemui warna yang abadi. Menjejak tapak sang belang di gigi air mengugah rasa berani diri. Sesekali melihat kelibat enggang yang terbang berkawan-kawan terasa amat mesra dengan alam.

Berdasarkan beberapa program eksplorasi seni, khususnya di Royal Belum, Hulu Perak keunikan hutan hujan tropika ini adalah bersumberkan eko-sistemnya yang begitu kompleks dan amat kaya dengan kepelbagaiannya bio. Malah telah diiktiraf antara 12 tempat di dunia yang mempunyai tahap kepelbagaiannya bio bertaraf mega. Hasil dari eksplorasi tersebut juga Angkatan Pelukis Darul Ridzuan (APDR) dengan kerjasama beberapa agensi Kerajaan telah mengadakan beberapa siri pameran antaranya telah diadakan di Galeri Seni Muzium Darul Ridzuan (2003), Balai Seni Lukis Negara (2006), Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang dan di Galeri Pelita Hati (2007). Selain pelukis - pelukis terkenal Jaafar Taib, Dr. Zakaria Ali, Johan Marjonid, Zaharuddin Sarbini dan beberapa nama lagi, Shaparel Salleh merupakan pelukis tegar yang amat gigih

berkarya. Tambahan pula beliau dalam aliran realisme yang mementingkan ketepatan bentuk, warna dan komposisi, tentunya managih masa yang panjang. Usaha gigih ini perlu dicontohi oleh generasi muda kerana tiada jalan pintas untuk menghasilkan karya, apatah lagi karya yang dapat sampai ke hati dan akal pemerhati.

Pameran-pameran ini antara lain bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan memelihara alam sekitar khususnya hutan hujan tropika. Seperti kita maklum isi rimba ini berhadapan dengan beberapa isu yang memungkinkan kepupusan sebilangan spesis. Antara penyebab utamanya ialah gangguan habitat akibat perubahan cuaca, kerja-kerja pembalakan yang berleluasa, pemburuan yang kejam, malah tidak kurang juga akibat dari kegagalan pengurusan sumber hutan yang efektif dan berihsan. Kita berharap dengan pembangunan sektor eko-pelancongan yang sedang giat dilaksanakan, kita tidak meminggirkan sistem alam yang sedia ada. Tabiat alam bukan seperti tabiat manusia. Di sinilah peranan akal kita, bukan mengejar keuntungan dalam masa singkat tetapi harus diutamakan keuntungan jangka masa panjang,

Akhirnya, saya dan rakan-rakan sekumpulan pencinta alam merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Shaparel Salleh atas daya usaha dan iltizam yang jitu ini juga ribuan terima kasih kepada pihak Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, USM yang memberi ruang dan pengiktirafan kepada usaha membangunkan minda kreatif berdasarkan penghayatan terhadap alam semulajadi.

Hamidon Ahmed
Presiden,
Angkatan Pelukis Darul Ridzuan
27 Ogos 2007



Nota Sahabat

Oleh : Rahimdin Zahari

Pusaka Rimba adalah pameran solo pertama Shaparel Salleh seorang pelukis generasi baru yang amat aktif menyertai pelbagai pameran lukisan sejak tahun 1994 lagi. Shaparel, anak muda kelahiran Alor Gajah, Melaka pada 5 Julai 1972 ini bergiat aktif melalui Persatuan Pelukis Melayu Pulau Pinang. Lulusan Sarjana Muda Sastera (Seni Halus) dari Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang ini sudah sejak lama menyedari bakat seni yang berada di dalam dirinya.

Setelah menyertai pelbagai pameran, tidak kurang daripada 100 pameran bersama di seluruh tanah air, Shaparel amat yakin dengan pilihannya untuk menjadi seniman pelukis sepenuh masa. Kehadirannya ke persada seni lukis tanah air ditandai dengan beberapa anugerah yang dimenangnya seperti Hadiah Sagu Hati Bakat Baru sempena Pesta Pulau Pinang (1997), Hadiah Utama Bakat Muda sempena Pesta Pulau Pinang (1999) dan Hadiah Kedua Pertandingan Melukis Kenyir (2006).

Karya-karya yang dihasilkan dalam pelbagai medium seperti cat minyak, akrilik, cat air dan juga cetakan. Kesan besar dan paling menarik manusia Shaparel yang amat menghormati dan mencintai alam semulajadi. Kehijauan alam flora dan fauna sebenarnya bersatu di dalam jiwa dan diri Shaparel. Dia mengagumi betapa hebat dan berkuasanya Yang Maha Pencipta. Kehebatan dan kekagumannya itu dipindahkannya di dada kanvas.

Hutan rimba, gunung, bukit, sungai dan segala


khazanahnya amat dicintainya dan disayangi oleh Shaparel. Dalam karyanya kita akan temui betapa besarnya ekspresi kasih sayang Shaparel kepada sekelian isi alam tersebut. Lalu, dia banyak menghabiskan masanya menyusur tebing, berkayuh, berkhemah di lembah dan lereng. Bersatu dengan kehijauan dan memersrai keindahan adalah kepuasan yang tidak mampu diucapkan dengan kata-kata. Kepuasan dan rasa cinta yang mengental itu berpindah ke dalam sapuan warna.

Puncak Kinabalu, puncak Jerai, Taman Negara Pahang, Hutan Belum, Tasik Kenyir, Tasik Pedu, Tasik Temenggor dan ratusan tempat terindah di tanah air ini menjadi tempat kunjungnya. Dia sebenarnya saling mengenali antara dirinya dengan alam tempat beliau menjelajakan kakinya. Serata tasik dijelajahinya demi karya seni lukisnya. Dia pelukis yang amat kenal dan mesra dengan bermacam jenis ikan sungai. Kelah, tengas, temoleh, toman, lais, sebarau, baung, lampau jawa, tenggalan, terbul dan pelbagai spesies ikan di pendalaman, adalah sahabatnya.


Suasana sunyi, sejuk dan tenang waktu malam adalah pengalaman yang tidak akan dapat dinikmati di hutan batu. Pengalaman itulah yang dipindahkan ke dalam karya dan ingin dikongsikan dengan khalayak. Karyanya bercerita mengenai masa lalu dan masa depan. Apakah kesuburan alam tanah air dengan flora dan faunanya akan kekal selamanya, secerah langit yang menaungi rimba banat ini? Teruskan perjuanganmu, sahabat.

Rahimdin Zahari
Istana Budaya
27 Ogos 2007


Lubuk Buluh, Ulu Sungai Perak | Akrilik | 137cm X 73cm | 2007




Rantai Alam
Akrilik
65cm X 43cm
2007




Ulu Sungai Kelantan
Cat Minyak
76cm X 61cm
2006




Lubuk Sanghor
Akrilik
65cm X 43cm
2007




Sungai Relau, Merapoh
Akrilik
65cm X 43cm
2007




Mana nak sumpit?
Akrilik
102cm X 101cm
1999



Singgah Minum
Akrilik
137cm X 102cm
2006




Madu
Akrilik
137cm X 104cm
2007




Tok Batin Kata, tengok aje!
Akrilik
137cm X 104cm
2007




Pasak Bumi
Akrilik
152cm X 122cm
2007



Rimba Stong
Akrilik
24cm X 32cm
2007



Tari Rimba Belum
Akrilik
137cm X 102cm
2006



6.58am at Jungle
Akrilik
137cm X 104cm
2007



Pugar 2
Akrilik
46cm X 61cm
2005




Pugar 1
Akrilik
46cm X 61cm
2005



Pugar 6
Akrilik
46cm X 40cm
2005



Pugar 7
Akrilik
61cm X 46cm
2005




Pugar 8
Akrilik
61cm X 46cm
2005



Pugar 9
Akrilik
51cm X 41cm
2005




Tari Rimba Teluk Bahang
Akrilik
135cm X 110cm
2000





Unity
Akrilik
153cm X 110cm
2000


Payung Bumi
Akrilik
137cm X 110cm
2006




Bangkit Satu Bangkit Semua
Akrilik
122cm X 122cm
2006



Jelai
Akrilik
65cm X 43cm
2007



Tualang
Akrilik
65cm X 43cm
2007




Rimba Belum
Akrilik
41cm X 28cm
2006



Patah Tumbuh Hilang Berganti
Akrilik
137cm X 102cm
2006




Belaian Alam
Akrilik
137cm X 102cm
2007



Lambaian Belum
Akrilik
122cm X 92cm
2007



Lubuk Tengas
Akrilik
65cm X 43cm
2006



'Class-mate'
Akrilik
122cm X 122cm
2006

Kembara IV

"Tidakkah kamu melihat bahwasanya Allah menurunkan hujan dari langit lalu Kami hasilkan dengan hujan itu buah-buahan yang beraneka macam jenisnya. Dan di antara gunung gunung itu ada garis garis putih dan merah yang beraneka macam warnanya dan ada yang hitam pekat"

Faathir : 27

Aku yang kembara

Melihat segalanya tentang pernyataan dan hubungan

Ku renung pada jeram yang jernih mendebur

Ku renung pada bongkah batu batu

Ku renung pada susunan indah pepohon hijau alam

Ku renung pada luas biru langit

Kelu dan terpaku

Kuhirup nikmat udara sedalam dalam



Dan ku renung dalam diri...

Saban hari


Engkau bagaikan berbisik bisik

Hatiku terusik.

Rumahku Syurgaku
Akrilik
137cm X 102cm
2006




Menunggu Hari
Akrilik
135cm X 109cm
2006



Sungai Renyok, Jeli
Akrilik
137cm X 110cm
2006


Norhelmi Othman
Dewan Budaya, USM
28 Ogos 2007




Sungai Ketil, Belum
Akrilik
43cm X 65cm
2006



Lubuk Jelai, Sungai Kejar
Akrilik
43cm X 65cm
2007




Kem Kejar, The Royal Belum.
Akrilik
137cm X 104cm
2007



Sanghor, Belum
Akrilik
65cm X 43cm
2007


Pergau, Kelantan
Akrilik
43cm X 65cm
2006




Sungai Rimba
Akrilik
43cm X 65cm
2007



Hutan Dara
Akrilik
43cm X 65cm
2007



Lata Tok Janggut, Jeli.
Akrilik
43cm X 65cm
2006





Black Forest
Akrilik
76cm X 61cm
2005



Pugar 4
Akrilik
43cm X 47cm
2005



Pugar 3
Akrilik
46cm X 56cm
2005


Kembara V

“Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan apa yang ada diantara keduanya, jika kamu adalah orang yang menyakini”


Dukhaan : 7

Jika matahari yang kulihat adalah terang
Maka sinarnya belum menerangi seluruh isi ruangku
Jika bulan yang kulihat adalah cahaya
Maka keteduhannya belum memayungi seluruh resahku
Jika seluruh laut adalah samudera raksasa
Maka luasnya belum menampung kegelisahanku
Jika resahku belum berhenti
Wahai laut, bumi, langit, udara dan cahaya
Apakah ini adalah takdir, janji alam, atau
hanya catatan waktu?


Norhelmi Othman
Dewan Budaya, USM
28 Ogos 2007




Pugar 5
Akrilik
61cm X 84cm
2005




Rimba Kuala Koh
Akrilik
30cm X 40.5cm
2007



Punca Air
Akrilik
65cm X 43cm
2007



Taman Negara Merapoh
Akrilik
137cm X 104cm
2006




Cengal
Akrilik
65cm X 43cm
2007







Suri Rumahtangga
Akrilik
43cm X 65cm
2007



High Five
Akrilik
127cm X 175cm
1999



Balak Di Hulu!
Akrilik
137cm X 73cm
2007



Cahaya Rimba
Akrilik
137cm X 73cm
2007

Mohd Shaparel Bin Salleh

Lahir pada 05 Julai 1972
Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

No. 22 Lorong Permatang Pasir 9,
Taman Manggis Indah,
10100 Balik Pulau,
Pulau Pinang.
HP:019-5617812
Email: shaparel_jeep@yahoo.com

Pendidikan

1994-1995 Sijil Seni Kreatif Universiti Sains Malaysia.
1995-1999 Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian
(Seni Halus) Universiti Sains Malaysia.

Anugerah

1997 Hadiah Saguhati Bakat Baru, Pesta Pulau Pinang.
1999 Hadiah Utama Bakat Muda, Pesta Pulau Pinang.
2006 Hadiah Kedua Pertandingan Melukis Kenyir, Terengganu.

Pameran Solo

2007 Pameran Solo 'Pusaka Rimba' Musium & Galeri Tuanku Fauziah, USM.

Koleksi

Pejabat Menteri Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.
Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara.
Balai Seni Lukis Sabah.
Ketengah.
Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, Universiti Sains Malaysia.

Penghargaan

Universiti Sains Malaysia
Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, USM
En. Hasnul J Saidon
Pengarah, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah
En. Jaafar Taib
Pengarah Urusan, Creative Enterprise Sdn. Bhd.
Dato' Mahsun Haji Taib
Prof. Madya Dr. Zakaria Ali
Prof. Madya Muhammed Talhah Idrus
En. Rahimdin Zahari
En. Hamidon Ahmed
En. Norhelmi Othman
Patrick Lasak@Galeri Lasak
Semua Staff Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, USM.
Media massa

dan semua yang membantu menjayakan pameran ini.

Pameran Berkumpulan

1994	Pameran Proses USM. Pameran Lanskap USM. Pameran Bakat Baru, Pesta Pulau Pinang, Balai Seni Lukis Pulau Pinang.
1995	Pameran Proses USM. Pameran Terbuka Balai Seni Lukis Pulau Pinang.
1996	Pameran Seni Lukis Pekan Seni Ipoh, Dewan Bandaraya Ipoh, Perak. Pameran Bakat Baru, Pesta Pulau Pinang, Balai Seni Lukis Pulau Pinang. Pameran Terbuka Balai Seni Lukis Pulau Pinang.
1997	Pameran Proses USM. Pameran Warna-warna Semenanjung, Balai Seni Lukis Sabah. Pameran Bakat Baru, Pesta Pulau Pinang, Balai Seni Lukis Pulau Pinang. Pameran Terbuka Balai Seni Lukis Pulau Pinang.
1998	Pameran Proses USM. Pameran Hari Ilmu Kemanusiaan USM. Pameran Citarasa '97' Malaysia Indah, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Pameran Zhong Hua Art House, Pulau Pinang. Pameran Terbuka Balai Seni Lukis Kedah, Kedah.
1999	Pameran Galeri Luar Pusat, Pulau Pinang. Pameran Young Talents 98 Entite 'warisan' Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Pameran 'art Attack' Hui Aun Association, Pulau Pinang. Pameran Artistic Souls, Galeri Pelita Hati, Kuala Lumpur.
2000	Pameran Seni Lukis Bakat Muda, Pesta Pulau Pinang. Pameran Akhir Projek Seni USM. Pameran Seni Rupa, Cetusan Rasa II, Muzium Darul Ridzuan, Ipoh, Perak.
2001	Pameran Interaksi & Kesanimbangan, Festival Pekan Seni Ipoh, Perak. Pameran Kulim Hi-tech, Kedah. Pameran Persatuan Pelukis Melayu Pulau Pinang, Kompleks Pustaka Warisan, Pulau Pinang.
2002	Pameran Sp Setia Art Fair, Pulau Pinang. Pameran 'enchanting Penang', Penang Ytl Fest 2001, Galeri Art Point, Pulau Pinang. Pameran Terbuka 2001, Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur.
2003	Pameran Tahunan 2002 Persatuan Pelukis Melayu Pulau Pinang, Muzium&galeri USM, Pulau Pinang.
2004	Pameran Colourful Penang, Perangin Mall, Pulau Pinang.
2005	Pameran Seni Rupa Estetika Perak, Galeri Seni, Muzium Darul Ridzuan, Ipoh, Perak.
2006	Pameran Tahunan 2004 Persatuan Pelukis Melayu Pulau Pinang, Balai Seni Lukis Pulau Pinang.
2007	Pameran Tahunan 2005 Persatuan Pelukis Melayu Pulau Pinang, Balai Seni Lukis Pulau Pinang. Pameran Seni Biru Hijaunya Royal Belum, Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur. Pameran Eksplorasi Hutan Belum, Muzium Dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang. Pameran Lukisan Dan Fotografi Tasik Kenyir 2007, Terengganu. Pameran Karya Pilihan Pelukis, Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang. Pameran Biru Hijaunya Belum II, Galeri Pelita Hati, Kuala Lumpur.